

PENUTUP

Garis panduan ini diharapkan dapat diguna pakai oleh seluruh umat Islam khususnya di negeri ini demi menjamin semua amalan agama dilakukan mengikut kehendak syarak yang sebenar dan suci dari sebarang pencemaran dan seterusnya dimakbulkan oleh Allah SWT.

[Panduan bacaan doa ini telah diluluskan dalam muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia pada 23 Mac 1995M/21 Syawal 1415H dan telah dipersetujui dalam muzakarah Ahli Lajnah Fatwa Negeri Sabah tahun 1998].

KEPUTUSAN MUZAKARAH MAJLIS FATWA NEGERI SABAH

Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 1/2005 telah bersidang pada 12 - 14 September 2005M/8 - 10 Syaaban 1426H, bertempat Hotel Pacific Sutera, Kota Kinabalu telah berbincang dan bersetuju untuk memutuskan bahawa:

- Doa yang dibacakan di dalam Majlis adalah harus.
- Majlis hendaklah tidak berunsurkan maksiat dan mungkar seperti mengadakan hidangan arak atau perjudian dan seumpama dengannya.
- Majlis hendaklah tidak bercampur aduk dengan upacara-upacara yang tidak sesuai dengan konsep Ibadah dalam doa seperti menghiasi majlis dengan acara-acara nyanyian dan tarian serta pergaulan bebas lelaki dan wanita kecuali nyanyian yang berunsur dakwah dengan penyanyi yang tidak mendedahkan aurat.
- Majlis doa hendaklah tidak dikaitkan dengan upacara-upacara keagamaan atau perayaan agama-agama lain seperti sempena menyambut hari Krismas atau Tahun Baru Cina.



PEJABAT MUFTI NEGERI SABAH



**PANDUAN BACAAN DOA
DALAM MAJLIS-MAJLIS RASMI DAN
SEPARUH RASMI KERAJAAN NEGERI**

PENDAHULUAN

Doa merupakan satu ibadat. Ia merupakan satu tanda kerendahan hamba terhadap tuhanNya. Ia boleh dilakukan secara individu atau berkumpulan. Sesuatu ibadah itu hendaklah dilakukan dengan ikhlas, khusyuk, tertib dan penuh tawaduk. Dengan demikian ia mesti dilakukan dengan cara yang sesuai dengan kehendak syarak. Ini bermakna doa bukan boleh dilakukan sebagai satu acara kebudayaan atau adat yang kosong dari roh ibadat atau rasa tawaduk kepada Allah SWT. Doa merupakan salah satu cara hidup orang Islam yang diajar oleh Rasulullah SAW.

Sebagai satu ibadat, doa hendaklah dilakukan di tempat yang betul, pada masa yang sesuai dan pada masa yang baik. Garis panduan doa ini adalah bagi bacaan doa secara berkumpulan yang harus dilakukan dalam mana-mana majlis atau upacara rasmi atau separuh rasmi di negeri ini.

Tujuan majlis yang akan menentukan sama ada doa itu harus dilakukan atau sebaliknya.

TAKRIF DOA

Doa ialah satu ucapan permohonan dari hamba kepada Allah SWT dari hati yang ikhlas bagi mendapatkan rahmat, inayah dan pertolongan-Nya atau menolak bala dan bencana dengan cara dan adab tertentu.

TEMPAT BERDOA

Tempat berdo'a yang diharuskan antaranya ialah di tempat-tempat perhimpunan yang bertujuan untuk kebaikan seperti perhimpunan di masjid-masjid, dewan, madrasah, rumah kediaman dan ruang terbuka (seperti padang).

Tempat berdo'a yang tidak diharuskan ialah tempat yang terdapat perkara-perkara yang boleh mencemarkan kesucian Islam. Di antara tempat-tempat tersebut ialah tugu, tempat yang terdapat patung-

patung manusia, atau patung-patung haiwan, gambar-gambar atau lukisan-lukisan yang tidak sopan yang terkeluar dari akhlak Islam.

Begitu juga tempat-tempat yang mengandungi acara-acara atau aktiviti-aktiviti yang ditegah atau bertentangan dengan Islam seperti majlis tari-menari atau yang menghidang minuman keras dan sebagainya.

MASA BERDOA

Masa berdo'a bagi majlis rasmi atau separuh rasmi sebaik-baiknya pada permulaan majlis berkenaan.

SUASANA KETIKA BERDOA

Suasana semasa berdo'a hendaklah dalam keadaan majlis yang tenang dan khusyuk.

TUJUAN DAN CARA BERDOA

Setiap doa hendaklah mempunyai tujuan yang baik yang dibenarkan oleh syarak.

Doa yang diucapkan hendaklah diadakan dalam keadaan dan cara berikut:

- Diketahui tujuan berdo'a atau apa yang hendak dipohon dari Allah SWT;
- Dibaca dengan betul mengikut adab-adab doa;
- Dibaca dengan suara yang sederhana;
- Dibaca dengan nada dan rasa yang khusyuk dan tawaduk kepada Allah SWT; dan
- Dibaca dengan penuh yakin dan ikhlas agar ia dimakbulkan oleh Allah SWT.

SYARAT-SYARAT PEMBACA DOA

- Ia seorang yang berkemampuan dalam bacaan doa.
- Ia mengetahui kesesuaian doa yang dibaca bagi sesuatu majlis yang diadakan.